

**18 April 2009 (Sabtu)**

### **Timur: SPNB perlu kebenaran baik pulih rumah**

KUANTAN: Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) berusaha mengesan 128 pembeli rumah di Taman Sungai Karang Darat Satu, Balok, di sini yang gagal disiapkan oleh pemajunya lebih 10 tahun lalu. Persetujuan pembeli rumah berkenaan diperlukan oleh SPNB bagi membolehkan rumah dipulihkan semula selepas pemaju asal mufliis dan segala aset mereka diletakkan di bawah Jabatan Insolvensi Malaysia.

Semua pembeli perlu menandatangani Perjanjian Pembinaan dan Surat Akujanji untuk membenarkan SPNB meneruskan pembinaan rumah berkenaan yang berstatus 80 peratus siap ketika pemaju asal gulung tikar pada 1999. Pembeli juga perlu memberi kebenaran kepada SPNB untuk menjual unit rumah berkenaan sekiranya pembeli asal gagal menjelaskan sebarang tuntutan oleh SPNB selepas rumah berkenaan memperoleh Sijil Layak Menduduki (CFO) kelak.

Projek berkenaan membabitkan 53 unit rumah teres kos rendah, 14 unit kos sederhana rendah dan 135 unit teres satu tingkat yang dijual pada harga antara RM25,000 hingga RM100,000. Ketua SPNB Wilayah Timur, Abdul Latif Mokhtar berkata pihaknya memerlukan persetujuan sekurang-kurangnya 70 peratus pembeli projek perumahan berkenaan sebelum SPNB boleh membantu memulihkan projek itu.

"Setakat ini SPNB hanya berjaya mendapatkan persetujuan daripada 68 pembeli sahaja yang tampil menandatangani akujanji iaitu 53 peratus daripada keseluruhan pembeli. "Ini menyebabkan SPNB terpaksa menjalankan usaha mengesan pembeli terbabit melalui pelbagai cara termasuk menjejaki mereka dari rumah ke rumah berdasarkan alamat terakhir," katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.


Abdul Latif berkata, setiap projek perumahan terbengkalai yang diambil alih oleh SPNB akan disiapkan melalui peruntukan kewangan Kerajaan Persekutuan sehinggalah pembeli memperoleh CFO. "Sekiranya mendapat komitmen daripada 70 peratus pembeli rumah itu, kerja membaik pulih dan pembinaannya dijangka bermula Jun ini oleh kontraktor baru yang dilantik oleh SPNB manakala ia dijangka siap dan memperoleh CFO pada pertengahan tahun depan," katanya.

Pembeli terbabit atau orang ramai yang menjadi mangsa projek perumahan terbengkalai, boleh menghubungi SPNB Kuantan di talian 09-5178200.

**19 April 2009 (Ahad)**

## **EPU siap kaji tol tiga bulan lagi**

Oleh Fazli Abdullah dan S Anad Kumar bhnews@bharian.com.my



### **Pelbagai aspek diambil kira agar keputusan untungkan rakyat, kerajaan**

GEORGETOWN: Unit Perancangan Ekonomi (EPU) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) akan menyerahkan cadangan komprehensif bagi menangani isu berkaitan tol tiga bulan lagi bagi mengurangkan beban rakyat. Menteri di JPM, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop, berkata cadangan yang bakal dibentangkan kepada kerajaan itu dibuat berdasarkan kajian pelbagai aspek. Antaranya, perjanjian konsesi dan kesan ekonomi terhadap keputusan yang bakal dibuat kerajaan. "Kita sudah menerima arahan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) mengenai perkara ini. Ia menjadi keutamaan untuk EPU membentangkan cadangan menyeluruh bagi menyelesaikan isu yang sudah berlanjutan sebegitu lama," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang di sini, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri berkata, kerajaan mengarahkan EPU mencari penyelesaian komprehensif untuk menangani isu tol di seluruh negara bagi memastikan ia tidak membebankan rakyat. Najib berkata, beliau akan memastikan keputusan terbaik dibuat kerana ketika ini semakin kadar tol setiap tiga tahun sering menimbulkan kemarahan rakyat. Ditanya kemungkinan kerajaan mengambil alih tol, Nor Mohamed berkata, beliau tidak tahu hasil kajian itu kerana ia baru bermula. "Kajian akan dilakukan secara menyeluruh dan menyerahkan kepada kerajaan cadangan yang memberi kebaikan kepada rakyat dan kerajaan," katanya.

Sementara itu, pelbagai pihak termasuk kesatuan sekerja merayu kerajaan mengambil alih syarikat konsesi tol bagi meringankan beban rakyat terutama yang berpendapatan rendah. Presiden Cuepacs, Omar Osman, berkata cadangan itu juga dapat menjimatkan wang kerajaan kerana kini mereka perlu membayar pampasan jika tol tidak dinaikkan seperti ditetapkan dalam perjanjian konsesi. "Daripada kerajaan membayar pampasan berjuta ringgit lebih baik ambil alih pengurusan tol dan wang itu diperuntukkan bagi menjaga kebajikan rakyat," katanya.

Omar berkata, kerajaan kemudian boleh mempertanggungjawabkan pengurusan tol di bawah Kementerian Kewangan atau Kementerian Kerjaraya. Ketua Pemuda Gerakan, Lim Si Pin pula berkata, pihaknya berharap cadangan EPU itu mengambil kira kepentingan rakyat.

**20 April 2009 (Isnin)**

## **Timur: Pembinaan tangki air, paip jejas Pulau Redang disiasat**

Oleh Hamid Salleh [bhkt@bharian.com.my](mailto:bhkt@bharian.com.my)

### **Kegiatan tebang hutan boleh cemar ekosistem pusat pelancongan**

KUALA TERENGGANU: Kerajaan negeri sudah mengarahkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Jabatan Perhutanan negeri menjalankan siasatan dan mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor yang membina tangki air dan saluran paip air bersih di Pulau Redang dengan sewenang-wenang menebang pokok secara tidak terkawal hingga mencemarkan perairan sekitarnya. Pengerusi Jawatankuasa Perindustrian, Perdagangan dan Alam Sekitar negeri, Toh Chin Yaw, berkata pihaknya sudah menghubungi pengarah kedua-dua jabatan berkenaan dan mereka memaklumkan sudah menghantar pegawai bagi menjalankan siasatan.

Beliau berkata, kegiatan itu dikesan ketika lawatan di pulau itu Khamis lalu dan mendapati banyak balak bersaiz besar dilambakkan di depan pejabat sementara syarikat berkenaan beroperasi. "Saya percaya balak yang ditebang itu mencecah nilai ratusan ribu ringgit dan boleh menjejaskan ekosistem persekitaran pulau kerana penebangan dilakukan tanpa mengikut spesifikasi kerajaan hingga menyebabkan pencemaran," katanya

Katanya, beliau menerima aduan pengusaha resort dan chalet mengenai perkara itu dan kemudian meninjau kawasan berkenaan. "Selepas tinjauan dan pemantauan, saya dapati aduan itu berasas dan jelas air berlumpur didapati mengalir terus ke laut akibat penebangan pokok tanpa kawalan. Saya sudah meminta pengarah kedua-dua jabatan yang berkenaan mengambil tindakan yang tegas," katanya.

Toh berkata, hutan di pulau itu adalah kawasan hutan simpan dan pokok tidak boleh ditebang sebarang tanpa kelulusan Jabatan Perhutanan. atanya, pencemaran yang berlaku sedikit sebanyak memberikan gambaran negatif kepada pelancong dan boleh memberikan impak buruk kepada Pulau Redang sebagai destinasi pelancongan popular di negeri ini.

**20 April 2009 (Isnin)**

## **Tiada PBT lima bintang**

Oleh Fazli Abdullah [fazliabdullah@bharian.com.my](mailto:fazliabdullah@bharian.com.my)

### **Pelaksanaan sistem penggredan mampu tingkat daya saing**

GEORGETOWN: Tiada satu pun pihak berkuasa tempatan (PBT) layak mendapat taraf lima bintang berdasarkan kepada Sistem Penggredan Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) yang julung kali diperkenalkan tahun lalu. Bagaimanapun, 10 PBT memperoleh empat bintang,

dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menduduki senarai teratas apabila mengutip 84.5 markah. PBT yang menduduki senarai paling tercorot daripada 98 PBT ialah Majlis Daerah Bandar Baharu, Kedah dengan 29 markah. Mengikut keputusan SSR-PBT 2008 disiarkan dalam laman web rasmi Jabatan Kerajaan Tempatan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sembilan lagi PBT mendapat empat bintang ialah Majlis Perbandaran Subang Jaya (84.40), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (80.50).

Majlis Perbandaran Kuantan (80.25), Majlis Bandaraya Shah Alam (80.10), Majlis Bandaraya Johor Bahru (79.40), Majlis Perbandaran Alor Gajah (77.45), Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (77.40), Majlis Perbandaran Klang (76.20) dan Majlis Perbandaran Manjung (76.10). Semua 10 PBT yang memperoleh empat bintang akan menerima sijil.

"Pemenang juga akan menerima peruntukan khas RM200,000 bagi melaksanakan projek pembangunan yang dikenal pasti oleh PBT itu," kata kenyataan dalam laman web berkenaan. Sebanyak 98 PBT di seluruh negara dinilai mengikut sistem berkenaan sepanjang tahun lalu. Berdasarkan penilaian itu, 24 PBT memperoleh tiga bintang dengan markah di antara 60.25 hingga 74.95. Apa yang menarik, tiga PBT berstatus majlis daerah mendapat tiga bintang iaitu Majlis Daerah Kuala Langat, Majlis Daerah Pekan dan Majlis Daerah Kerian. Berdasarkan keputusan itu, sebanyak 47 peratus atau 46 PBT memperoleh dua bintang dengan markah di antara 46 hingga 58.85.

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu adalah satu-satunya PBT yang berstatus majlis bandar raya memperoleh dua bintang. Sebanyak 18 PBT memperoleh satu bintang dengan markah di antara 29 hingga 45.80 peratus adalah dalam kategori majlis daerah. Pelaksanaan SSR-PBT bertujuan membantu menggred tahap prestasi PBT dalam menjalankan fungsinya ke arah meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

Pada Oktober 2004, kerajaan yang menimbangkan 64 langkah penambahbaikan di PBT memutuskan supaya Sistem Penggredan PBT diwujudkan bagi menilai tahap prestasi PBT. Berikutan itu, pada 1 Disember 2006, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Keutuhan Pengurusan Kerajaan pada 1 Disember 2006 menyarankan supaya Sistem Penggredan diperkenalkan semula seperti yang pernah dilaksanakan pada 1983.

Pelaksanaan SSR-PBT diharap dapat menilai tahap pencapaian penyampaian perkhidmatan PBT, meletakkan PBT pada tahap kedudukan yang sesuai mengikut ranking supaya dapat meningkatkan daya saing dan mengemaskini prestasi agar sentiasa menjaga dan memelihara tahap kecekapan dan keberkesanan organisasi.

Sistem penggredan digunakan untuk menggredkan setiap penyampaian perkhidmatan oleh PBT berdasarkan empat kriteria, iaitu Pengurusan (30 peratus), Perkhidmatan Teras (35 peratus), Pengurusan Pelanggan (15 peratus) dan Penyertaan Komuniti dan Pandangan Penduduk.

**21 April 2009 (Selasa)**

## **Lima peratus kakitangan awam ponteng kerja**

Oleh Ziauddin Sharuddin [zia@bharian.com.my](mailto:zia@bharian.com.my)

PORT DICKSON: Kira-kira lima peratus kakitangan awam terbabit dalam gejala ponteng kerja dengan ada kes tidak datang bekerja hingga tiga bulan. Setiausaha Agung, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs), Ahmad Shah Mohd Zin, berkata kebanyakan kakitangan terbabit adalah kumpulan sokongan dua (gred 1-17) yang bekerja di luar pejabat dan tidak perlu menggunakan kad perakam waktu. Katanya, masalah ini diketahui ketika Cuepacs menghadiri mesyuarat bersama kementerian serta jabatan kerajaan dan meminta kerjasama pemimpin kesatuan menyedarkan ahli supaya tidak melakukan perbuatan itu.

“Kami tiada masalah untuk memenuhi permintaan itu, tetapi berpendapat lebih baik kementerian dan jabatan kerajaan mengadakan seminar kesedaran khusus kepada kumpulan pekerja yang terbabit dalam gejala itu. “Kelayakan akademik kumpulan pekerja terbabit adalah tamat sekolah rendah atau Sijil Rendah Pelajaran (sekarang Penilaian Menengah Rendah) dan mereka tidak terdedah serta mengetahui peraturan kerja seperti Perintah Am,” katanya ketika ditemui selepas majlis perasmian mesyuarat agung Kesatuan Pekerja Awam Angkatan Tentera Malaysia di sini, semalam.

Perasmian dilakukan Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan. Ahmad Shah berkata, kementerian dan jabatan kerajaan perlu mendedahkan kakitangan kumpulan terbabit mengenai Perintah Am supaya pengetahuan mereka berhubung peraturan kerja dapat dipertingkatkan. Mengikut Perintah Am, katanya tindakan disiplin termasuk buang kerja boleh diambil terhadap pekerja yang tidak datang bekerja melebihi tiga hari. Sementara itu, katanya Cuepacs percaya tuntutan supaya semua kakitangan awam menerima kadar elaun sara hidup (Cola) yang sama akan dipenuhi kerajaan. “Cuepacs berharap ketika Sambutan Hari Pekerja Sektor Awam pada 14 Mei depan, Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) akan mengumumkannya,” katanya.

Katanya, Cuepacs bukan menuntut kenaikan kadar elaun, tetapi hak kakitangan awam untuk mendapat kadar Cola yang sama berbanding ketika ini diberikan mengikut kawasan kerja. “Ini adalah hak kakitangan awam tanpa mengira sama ada di bandar atau luar bandar. Takrifan Cola sendiri ialah elaun sara hidup untuk menampung perbelanjaan kos perumahan, pengangkutan dan makanan. Cuepacs mendapati kadar harga makanan di luar bandar lebih mahal berbanding bandar,” katanya.

**21 April 2009 (Selasa)**

### **Kos pembangunan PKFZ terus disiasat**

Oleh Adha Ghazali adha@bharian.com.my

KANGAR: Jawatankuasa Kira-Kira Awam (PAC) akan memanggil semula pihak bertanggungjawab untuk mendapatkan penjelasan mengenai kos pembangunan projek Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) yang mencecah RM1.845 bilion. Pengerusinya, Datuk Seri Azmi Khalid, berkata walaupun pihak terbabit sudah dipanggil sebelum ini, siasatan terhadap PKFZ belum selesai dan akan dipanggil dalam tempoh dua minggu untuk menjelaskan isu tertentu berhubung projek itu. "Buat masa sekarang, urusan audit mengenainya sudah selesai dan PAC akan meneliti laporan itu untuk mengenal pasti sebarang ke-musykilan. Selepas itu, pihak bertanggungjawab akan dipanggil untuk menjelaskannya," katanya kepada pemberita di sini, semalam.

PAC pernah memanggil pihak sama pada 2007 untuk mendapatkan penjelasan berhubung jumlah peruntukan dibelanjakan yang dianggap terlalu tinggi. Ia membabitkan Lembaga Pelabuhan Klang sebagai pelaksana projek itu dan Kementerian Pengangkutan. Kementerian itu dalam satu kenyataan sebelum ini menyatakan jumlah perbelanjaan keseluruhan PKFZ dianggarkan mencecah RM4.632 bilion, selepas faedah, bayaran profesional dan pelbagai, ditambah harga belian sebanyak RM1.088 bilion bagi kawasan 405 hektar serta kos pembangunan RM1.845 bilion. Sementara itu, Azmi berkata kerajaan wajar mengambilalih syarikat konsesi Lebuhraya Utara-Selatan jika mampu bagi meringankan beban ditanggung rakyat. "Jika kerajaan boleh mengambilalih konsesi dua syarikat transit aliran ringan (LRT) dengan harga RM8 bilion sebelum ini, kenapa tidak lebuhraya itu, katanya di sini, semalam.

**22 April 2009 (Rabu)**

### **Kementerian Kerjaraya dapat 5 bintang**

Oleh Mohd Hamizar Hamid mizar@bharian.com.my

#### **Pengiktirafan hasil prestasi cemerlang ditunjukkan sepanjang tahun lalu: KSN**

PUTRAJAYA: Kementerian Kerjaraya menjadi satu-satunya kementerian yang diberi pengiktirafan lima bintang hasil prestasi cemerlang yang ditunjukkan sepanjang tahun lalu. Selain kementerian berkenaan, lima agensi iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (Mampu), Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Pejabat Ketua Pengarah Kesihatan turut menerima pengiktirafan sama.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Mohd Hassan, berkata kementerian dan agensi yang masih belum memperoleh taraf lima bintang perlu berusaha keras untuk mencapainya mulai sekarang. "Jadikanlah agensi lima bintang yang dipilih sebagai penanda aras dan agensi yang dipilih pula perlu berusaha lebih kuat untuk mengekalkan kecemerlangan dalam penilaian pada masa akan datang," katanya dalam ucapan pada Majlis Pengiktirafan Sistem Star Rating di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

Teks ucapannya dibacakan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Tan Sri Ismail Adam. Hadir sama, Ketua Pengarah Mampu, Datuk Normah Md Yusof. Sebanyak 27 kementerian dan 11 agensi Kerajaan Pusat dinilai bagi pengiktirafan itu untuk tahun 2008 berdasarkan kecemerlangan pengurusan organisasi.

## **22 April 2009 (Rabu)**

### **Kos cuti bersalin RM1.57b setahun**

#### **Majikan tanggung RM7,500 setiap pekerja**

KUALA LUMPUR: Majikan Malaysia membelanjakan kira-kira RM1.57 bilion setahun untuk cuti bersalin 60 hari kepada kakitangan wanita, demikian seminar mengenai persamaan gender di sini, diberitahu, semalam. Naib Presiden Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), A Ramadass dalam kertas kerjanya mengenai perlindungan bersalin dan tolak ansur kerja dan tanggungjawab keluarga, berkata kajian MEF menunjukkan bahawa jumlah kos bagi setiap kakitangan adalah sekitar RM7,500 setiap kali bersalin, membabitkan RM3,000 gaji dan RM4,500 elaun lebih masa. Beliau berkata, mengikut undang-undang yang wujud, majikan menanggung kos ini hingga lima anak yang hidup.

Seminar dua hari anjuran Kementerian Sumber Manusia dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dihadiri kira-kira 50 peserta dari pelbagai agensi kerajaan, Kesatuan Sekerja dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Ramadass berkata, kos itu akan meningkat kepada RM2 bilion jika bilangan cuti bersalin ditambah sehingga 84 hari seperti di Singapura. Beliau bagaimanapun menyatakan, di Singapura bagi dua kes bersalin pertama, majikan membayar untuk lapan minggu pertama dan tambahan empat minggu ditanggung oleh kerajaan.

Bagi kes bersalin ketiga dan keempat, kerajaan membayar penuh percutian bersalin 12 minggu. Sementara itu, seorang pakar penyusuan, Nor Kamariah Mohamad Alwi, memberitahu seminar berkenaan bahawa susu ibu adalah sumber unik pemakanan, perlindungan imuniti yang tidak terkira dan cara semula jadi membina generasi masa depan. Beliau berkata, penyusuan ibu juga memberi faedah kesihatan signifikan kepada ibu dan manfaat ekonomi besar dari segi kos makanan. Nor Kamariah berkata, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memperakukan penyusuan ibu yang eksklusif untuk enam bulan pertama dan selepas itu diteruskan hingga dua tahun disertai makanan pelengkap.